



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 30 JANUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	53,275 KHINZIR DIJANGKITI ASF, LOKAL, HM -12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	MALACCA TO EXPAND DIGITAL TRANSACTION AMONG SME, THE SUN -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	TRANSAKSI DIGITAL AKAN DIPERLUASKAN KEPADA PENIAGA, SH -ONLINE	
4.	TRANSAKSI DIGITAL DALAM KALANGAN PENIAGA KECIL DAN SEDERHANA DIPERLUAS, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE	
5.	MELAKA PERLUAS TRANSAKSI DIGITAL, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	
6.	TERNAK 60,000 IKAN, LOKAL, HM -5	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



ANTARA ladang ternakan yang disyaki dijangkiti ASF dipasang tali rintangan serta notis arahan Perintah Larangan Pemindahan Binatang, Burung atau Karkas oleh JPV Pulau Pinang ketika tinjauan di perkampungan Valdor, Sungai Bakap.

53,275 khinzir dijangkiti ASF

23 ladang ternakan di Pulau Pinang dikesan terkena wabak demam babi Afrika

Batu Kawan

Sebanyak 23 ladang ternak babi di Pulau Pinang dikesan dijangkiti penyakit *African Swine Fever* (ASF) atau demam babi Afrika sehingga hari ini dan membabitkan 53,275 babi di ladang tersebut.

Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata, sehingga semalam, 7,998 babi dimusnahkan dari enam ladang ternakan di Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) yang didapati positif ASF.

"Setakat ini, jumlah pecahan ladang dijangkiti ASF ialah 17 di daerah SPS membabitkan 42,691 babi, dua ladang di SPT (2,742) dan di Seberang Perai Utara (SPU) membabitkan empat ladang dengan populasi 7,842 babi.

"Semua babi dimusnahkan ditanam di kawasan SPS namun ia jauh dari penempatan awam dan lokasi yang tiada pembangunan bagi mengelak berlaku kacau kepada orang awam



di kawasan berkenaan.

"Kami juga mencari tapak di SPU untuk menanam babi di situ," katanya selepas hadir Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina 2023 Ahli Parlimen Batu Kawan di sini.

Chow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan berkata demikian ketika mengulas berhubung perkembangan ASF di Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Chow berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau



Semua babi yang dimusnahkan ditanam di kawasan SPS namun ia jauh dari penempatan awam dan lokasi yang tiada pembangunan bagi mengelak berlaku kacau kepada orang awam di kawasan berkenaan"

Chow Kon Yeow

Pinang dengan bantuan pihak berkuasa tempatan dilihat dapat menangani isu ASF itu terutama berkaitan pelupusan babi di tapak disediakan.

Katanya JPV Pulau Pinang juga mendapat bantuan dua pasukan JPV dari Putrajaya dalam menjalankan semua tugas berkaitan ASF termasuk persampelan dan memusnahkan babi yang dijangkiti atau mati akibat penyakit itu.

"Bagi ladang yang sem-

purna (babi dimusnahkan), JPV Pulau Pinang kemukakan kepada JPV Putrajaya untuk memohon pampasan, bagi minggu lalu situasi jangkitan ASF stabil walaupun ada ladang baharu dijangkiti iaitu dua ladang, namun kami tidak menolak kemungkinan jangkitan ASF bertambah," katanya.

Katanya berdasarkan bancian dijalankan terdapat 124 ladang babi di empat daerah di Pulau Pinang dengan populasi keseluruhan ternakan 267,348.

"Sehingga kini, ada 101 ladang belum dijangkiti penyakit ASF dengan populasi sekitar 214,073 babi iaitu 35 ladang di SPS dengan jumlah 97,104 babi, 60 ladang di SPT (100,600), dua ladang di SPU (5,539) dan empat ladang di Barat Daya (10,830)," katanya.

Katanya penternak dari ladang disahkan selamat dibenarkan menghantar ternakan mereka ke rumah sembelihan bagi memastikan bekalan daging babi tidak terjejas di pasaran.



30 JAN, 2023

Malacca to expand digital transactions among SME

The Sun, Malaysia

Page 1 of 2

Malacca to expand digital transactions among SME

MALACCA: The Malacca government will continue to be committed to programmes and campaigns to expand digital transactions among small and medium enterprises (SME).

State Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development committee chairman Datuk Abdul Razak Abdul Rahman said this was in line with the government's efforts towards transitioning to cashless payments in

the community.

"There are developments that are very positive where the use of digital transactions are increasing in the state, including among traders at pasar malam and stalls," he said.

"At the Melaka Agro Market (MAM) programme today, I saw on average (digital transaction) is being used since it makes things easier for traders and consumers,"

he said.

He said this when met by reporters after he accompanied the Melaka Yang Dipertua Tun Mohd Ali Mohd Rustam on a walkabout at the MAM and Direct Sales from Farms organised by the economic bureau of the Malay and Islamic World in collaboration with the Federal Agricultural Marketing Authority in Bukit Katil yesterday. - Bernama



30 JAN, 2023

Malacca to expand digital transactions among SME

The Sun, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MALACCA: The Malacca government will continue to be committed to programmes and campaigns to expand digital transactions among small and medium enterprises (SME). State Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development committee chairman Datuk Abdul Razak Abdul Rahman said this was in line with the government's efforts towards transitioning to cashless payments in

the community.



30 JAN, 2023

Transaksi digital akan diperluaskan kepada peniaga

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Transaksi digital akan diperluaskan kepada peniaga

MELAKA - Kerajaan Negeri Melaka akan terus komited mempelbagaikan program dan kempen bagi memperluas penggunaan transaksi digital dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, langkah itu selaras dengan usaha kerajaan menuju peralihan kepada pembayaran tanpa tunai dalam masyarakat.

"Ada perkembangan sangat positif yang penggunaan transaksi digital di negeri ini semakin meningkat terutama daripada peniaga di pasar malam dan gerai-gerai.

"Malah pada program Melaka Agro Market (MAM), saya lihat rata-rata menggunakannya memandangkan kaedah itu memudahkan urusan peniaga dan pembeli," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengiringi Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Mohd Rustam melakukan tinjauan mesra pada program MAM dan Jualan Terus dari Ladang anjuran Biro Ekonomi Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Bukit Katil di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, Abdul Razak berkata, program MAM akan diperluas termasuk menyasarkan untuk dianjurkan di 100 mukim di negeri ini dengan pelaksanaan sekurang-kurangnya sekali sepanjang tahun ini dalam usaha mengurangkan bebanan masyarakat.

"Program MAM ini juga akan diperluas ke setiap Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini, program ini ialah satu daripada inisiatif kerajaan negeri membantu rakyat berdepan kenaikan harga barangan.

"Penganjuran ini juga ialah satu daripada inisiatif dan diuruskan oleh FAMA negeri bersama kerajaan negeri," katanya. -*Bernama*

**RAZAK**



30 JAN, 2023

Transaksi digital akan diperluaskan kepada peniaga

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MELAKA - Kerajaan Negeri Melaka akan terus komited mempelbagaikan program dan kempen bagi memperluas penggunaan transaksi digital dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana. Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, langkah itu selaras dengan usaha kerajaan

RAZAK

menuju peralihan kepada pembayaran tanpa tunai dalam masyarakat. "Ada perkembangan sangat positif yang penggunaan transaksi digital di negeri ini semakin meningkat terutama daripada peniaga di pasar malam dan gerai-gerai.



30 JAN, 2023

Transaksi digital dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana diperluas

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Transaksi digital dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana diperluas

MELAKA: Kerajaan Negeri Melaka akan terus komited mempelbagaikan program dan kempen bagi memperluas penggunaan transaksi digital dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata langkah itu selaras dengan usaha kerajaan menuju peralihan kepada pembayaran tanpa tunai dalam masyarakat.

“Ada perkembangan sangat positif yang penggunaan transaksi digital di negeri ini semakin meningkat terutama daripada peniaga di pasar malam dan gerai-gerai.

“Malah pada program Melaka Agro Market (MAM) hari ini (semalam), saya lihat rata-rata menggunakannya memandangkan kaedah itu memudahkan urusan peniaga dan pembeli,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengiringi Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Ali

Mohd Rustam melakukan tinjauan mesra pada program MAM dan Jualan Terus dari Ladang anjuran Biro Ekonomi Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Bukit Katil di sini semalam.

Dalam pada itu, Abdul Razak berkata program MAM akan diperluas termasuk menyasarkan untuk dianjurkan di 100 mukim di negeri ini dengan pelaksanaan sekurang-kurangnya sekali sepanjang tahun ini dalam usaha mengurangkan bebanan masyarakat berikutan kenaikan harga barangan ketika ini.

“Program MAM ini juga akan diperluas ke setiap Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini... program ini ialah satu daripada inisiatif kerajaan negeri membantu rakyat berdepan kenaikan harga barangan.

“Penganjuran ini juga ialah satu daripada inisiatif dan diuruskan oleh FAMA negeri bersama

kerajaan negeri,” katanya.

Beliau berkata penganjuran MAM selama dua hari bermula semalam berjaya menarik lebih 40 peniaga pelbagai produk serta lebih 2,000 pengunjung yang tidak melepaskan peluang mendapatkan bekalan telur dan minyak masak pada harga istimewa.

Dalam perkembangan berbeza, Abdul Razak berkata kerajaan negeri sedang giat membanteras babi hutan yang kerap kali merosakkan tanaman penduduk.

“Kita menerima banyak laporan dan kini sedang bekerjasama dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka melakukan operasi menangkap babi hutan dengan memasang sangkar perangkap.

“Malah di beberapa kawasan, kita telah menambah jumlah sangkar perangkap yang kita tengok banyak kehadiran haiwan ini,” katanya. — Bernama



30 JAN, 2023

Transaksi digital dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana diperluas

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MELAKA: Kerajaan Negeri Melaka akan ter us komitedmempelbagaikan program dan kempen bagi memperluas penggunaan transaksi digital dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana. Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata langkah itu selaras dengan usaha kerajaan menu ju peralihankepada pembavaran tanpa tunai dalam masyarakat."Ada perkembangan sangat positif yang penggunaantransaksidigitaldi negeri ini semakin meningkat terutama daripada peniaga di pasar malam dan gerai-gerai.



30 JAN, 2023

Melaka perluas transaksi digital

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Melaka perluas transaksi digital

Penggunaan dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana meningkat

MELAKA: Kerajaan Negeri Melaka akan terus komited mempelbagaikan program dan kempen bagi memperluas penggunaan transaksi digital dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata langkah itu selaras dengan usaha kerajaan menuju peralihan kepada pembayaran tanpa tunai dalam masyarakat.

"Ada perkembangan sangat positif yang penggunaan transaksi digital di negeri ini semakin meningkat terutama daripada peniaga di pasar malam dan gerai-gerai.

"Malah pada program Melaka Agro Market (MAM) hari ini (semalam), saya lihat rata-rata menggunakannya memandangkan kaedah itu memudahkan urusan peniaga dan pembeli," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengiringi Yang

“Malah pada program Melaka Agro Market (MAM) hari ini (semalam), saya lihat rata-rata menggunakannya memandangkan kaedah itu memudahkan urusan peniaga dan pembeli.”

Datuk Abdul Razak Abdul Rahman
Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Melaka

Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Ali Mohd Rustam melakukan tinjauan mesra pada program MAM dan Jualan Terus dari Ladang anjuran Biro Ekonomi Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Bukit Katil di sini semalam.

Dalam pada itu, Abdul Razak berkata program MAM akan diperluas termasuk menyasarkan untuk dianjurkan di 100 mukim di negeri ini dengan pelaksanaan sekurang-kurangnya

sekali sepanjang tahun ini dalam usaha mengurangkan bebanan masyarakat berikutan kenaikan harga barangan ketika ini.

"Program MAM ini juga akan diperluas ke setiap Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini... program ini ialah satu daripada inisiatif kerajaan negeri membantu rakyat berdepan kenaikan harga barangan.

"Penganjuran ini juga ialah satu daripada inisiatif dan diuruskan oleh FAMA negeri bersama kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata penganjuran MAM selama dua hari bermula semalam berjaya menarik lebih 40 peniaga pelbagai produk serta lebih 2,000 pengunjung yang tidak melepaskan peluang mendapatkan bekalan telur dan minyak masak pada harga istimewa.

Dalam perkembangan berbeza, Abdul Razak berkata kerajaan negeri sedang giat membanteras babi hutan yang kerap kali merosakkan tanaman penduduk.

"Kita menerima banyak laporan dan kini sedang bekerjasama dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka melakukan operasi menangkap babi hutan dengan memasang sangkar perangkap.

"Malah di beberapa kawasan, kita telah menambah jumlah sangkar perangkap yang kita tengok banyak kehadiran haiwan ini," katanya. — Bernama



30 JAN, 2023

Melaka perluas transaksi digital

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Penggunaan dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana meningkat

MELAKA: Kerajaan Negeri Melaka akan terus komited mempelbagaikan program dan kempen bagi memperluas penggunaan transaksi digital dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana. Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata langkah itu selaras dengan usaha kerajaan menuju peralihan kepada pembayaran tanpa tunai dalam masyarakat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2023	HARIAN METRO	LOKAL	5



MUHAMMAD Kamarulzaman (kanan) dan Mohamad menunjukkan antara ikan yang ada di sangkar yang diusahakan mereka di Kampung Tasek Bendang Guchil, Rantau Panjang.

Ternak 60,000 ikan

Pemegang sarjana muda tak kisah dilabel buat 'kerja kampung'

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Meskipun pekerjaan yang dilakukan jauh berbeza dengan kelulusan pengajiannya sebelum ini namun Muhammad Kamarulzaman Mat Asid, 29, membuktikan bahawa bidang penternakan serta pertanian juga mampu memberi pendapatan lumayan.

Muhammad Kamarulzaman adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang kini menternak hampir 60,000 ikan pelbagai jenis di dalam 30 sangkar sejak 2018.

Katanya, minatnya yang menda-



Setiap hari saya akan turun ke sangkar yang dibina di sungai berdekatan rumah"

Muhammad Kamarulzaman

lam dalam bidang penternakan mendorongnya untuk mengusahakan ikan sangkar seperti talapia, patin serta keli selain turut menjalankan tanaman fertigasi timun, terung dan lada.

"Alhamdulillah,

walaupun ada sahaja cabaran untuk menjadi penternak atau petani, tetapi saya tetap bertahan sehingga hari ini, malah mampu memperoleh pendapatan setiap bulan. Mungkin ada yang memandang kerjaya saya sekarang sekadar 'kerja kampung' namun saya gembira melakukannya.

"Setiap hari saya akan turun ke sangkar yang dibina di sungai berdekatan rumah dengan dibantu saudara, Mohamad Abd Noh, 47, untuk memberi makan ikan atau menangkapnya sebelum dijual kepada pemborong atau orang kampung.

"Walaupun saya tidak belajar secara mendalam untuk menternak atau bertani, tetapi hasil tunjuk ajar arwah ayah serta melalui sendiri pengalaman selok belok pekerjaan ini membuatkan saya semakin mahir," katanya ketika ditemui di tapak sangkar ikan miliknya di Kampung Bendang Gu-

chil di sini.

Dia yang juga anak enam daripada lapan adik beradik, berkata dalam kesibukan menguruskan ikan sangkar dia turut berbudi pada tanah seluas 0.2 hektar dengan membuat tanaman fertigasi pada masa terluang.

Muhammad Kamarulzaman berkata, dia juga berhadapan cabaran dalam mengusahakan ternakan ikan sangkar termasuk mengalami kerugian puluhan ribu ringgit terutama ketika musim banjir.

"Tetapi, saya anggap itu sebagai dugaan dan Alhamdulillah, saya dapat mengatasinya dengan baik. Pengalaman ini mematangkan saya untuk menjadi lebih baik.

"Saya sendiri berharap dapat terus mengembangkan perusahaan dengan menjadi pembekal ikan sangkar di seluruh negara.

"Nasihat saya pada anak muda lain adalah jangan takut mencuba jika anda juga berminat dalam bidang pertanian atau penternakan. Percayalah, jika kerja dilakukan dengan bersungguh-sungguh, anda pasti akan mendapat hasil yang lumayan dan tidak terjangka.

"Saya tidak sesekali menyesal kerana berkerja dalam bidang yang jauh berbeza daripada kelulusan malah menganggap ijazah yang diperoleh sebagai batu loncatan untuk terus berjaya," katanya.



MUHAMMAD Kamarulzaman menunjukkan ikan sangkar yang ditenaknya di Kampung Bendang Guchil, Rantau Panjang.